Azizah angkat sumpah ADUN Kajang
MalaysiaKini.com
Apr 7, 2014

Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail mengangkat sumpah sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kajang di hadapan Speaker, Hannah Yeoh pada persidangan Dewan Negeri Selangor di sini hari ini.

Majlis mengangkat sumpah yang berlangsung tepat pukul 10 pagi itu disaksikan Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim serta Setiausaha Kerajaan Selangor Datuk Mohammed Khusrin Munawi.

Pada 23 Mac lalu, Wan Azizah yang juga Presiden PKR memenangi Pilihan Raya Kecil (PRK) Kajang menewaskan calon BN, Datin Paduka Chew Mei Fun dengan majoriti 5,379 undi.

PRK Kajang diadakan selepas Adun Kajang, Lee Chin Cheh dari PKR meletakkan jawatan tanpa sebab pada 27 Januari lepas bagi memberi peluang kepada Ketua Umum PKR, Datuk Seri Anwar Ibrahim bertanding.

Bagaimanapun, Wan Azizah diangkat sebagai calon yang baru setelah menggantikan Anwar apabila ketua pembangkang itu diisytihar tidak layak bertanding ekoran didapati bersalah atas tuduhan ke membabitkan bekas pembantu peribadinya di Mahkamah Rayuan.

Wan Azizah ketika ditemui di lobi meluahkan rasa syukur beliau dan berjanji untuk menjadi ADUN yang baik di Kajang bagi membalas budi pengundi beliau.

Bagaimanapun beliau menegaskan mahu berkhidmat dengan baik dan tidak mencari jawatan lebih tinggi di peringkat negeri.

"Macam saya katakan dulu, jawatan tak penting, yang penting khidmat," kata beliau.

Copyright © 1999-2012 Mkini Dotcom Sdn. Bhd
Source: http://www.malaysiakini.com/news/259285